

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Kemeriahan dan kegembiraan yang menyelubungi bandaraya Kuala Lumpur sempena sambutan ulangtahun ke-24 kemerdekaan negara sampai ke puncaknyamalam ini, apabila kira-kira 20,000 rakyat dari segenap lapisan termasuk para pemimpin dan pembesar negara bertempu ke kawasan Padang Kelab Selangor untuk menyaksikan berbagai perunjukkan menarik.

Bandaraya terutama di tempat perunjukkan yang dihiasi dengan bendera warna-warni bertukar menjadi bandar kayangan dengan simbahannya la mpu bergemerlapan dari 10 buah kereta berhias berarak perlahan-lahan membuka tirai persembahan.

Kereta-kereta berhias tersebut yang kebanyakannya disediakan oleh badan-badan berkanun dan

pihak swasta mendapat tepukan dan siulan para penonton kerana selain dari memaparkan keahlihan menghias selaras dengan tema *Berdisiplin Berharmoni*, ia juga diserikan oleh gadis-gadis jelita berpakaian aneka rupa yang tidak henti-henti memberikan senyuman dan lambaian.

Perarakan kereta berhias itu bermula kira-kira jam 8 malam sebaik sahaja ketibaan Yang di-Pertuan Agong ke Pentas Diraja berhadapan Bangunan Sultan Sulaiman.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalannya Datuk Musa Hitam, Menteri Luar Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perayaan, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri-menteri

Kabinet lain serta isteri masing-masing.

Perarakan didahului oleh kereta berhias Majlis Pengerluar-pengeluar Getah Malaysia dan Majlis Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia, yang diikuti oleh kereta berhias syarikat MHY, S.A. Kenderaan, M.A.S., Perbadanan Perlembongan Malaysia, Kumpulan Syarikat-syarikat Serbaguna, Kontena Nasional, Dewan Perlagangan China Selangor dan Syarikat-syarikat Petroleum.

Sebaik sahaja kereta berhias terakhir berlalu, para penonton disogokkan pula dengan permainan pancaragam oleh dua buah sekolah, Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Menengah Kuen Cheng.

K e h a r m o n i a n

ternyata dapat diwujudkan oleh persembahan pancaragam gabungan ini, baik di segi persembahan mahupun pergerakan.

Suasananya di sekitar kawasan pertunjukan semakin gamai apabila acara persembahan kebudayaan yang dijayakan oleh kira-kira 100 orang artis dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Dewan Bandaraya bermula.

Lampu dipadam. Gendang dipalu dan serentak muncul para peserta berpakaian hitam dengan obor di tangan ke tengah gelanggang. Para penonton yang tadinya berada agak jauh cuba merempuh tetapi dihalang oleh pasukan polis yang berdiri seakan tembok.

Persembahan kebudayaan itu cuba menggam-barkan melalui musik dan geraklaku latar belakang saman Hindu dan Animisme, kedatangan pengaruh kesenian Timur Tengah dan Pengaruh Kesenian Barat/China dan akhirnya mengam-barkan keadaan selepas kemerdekaan.

Sekiranya diukur dari sambutan, persembahan malam ini boleh dikatakan berjaya. Kawasan sekitaran Padang Kelab Selangor sesak sehingga setengah penonton yang gagal menyaksikan perunjukkan terpaksa berbertekuk sambil berborak-borak.

Gambar: Kereta berhias syarikat MHY (depan) dan dari SJ Kenderaan bergerak perlahan-lahan melintasi pentas Diraja. Gambar Berita Harian oleh Yahaya Yaakub.

## Kereta berhias seri perayaan